

Newspaper	HARAKAH
Date	6 APRIL 2015

Mahathir mahu jawapan Najib

KUALA LUMPUR: Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dalam satu tulisan di blognya berkata bahawa pengakuan Sirul Azhar Umar yang hanya menjalankan arahan ketika membunuh Altantuya Shaariibuu harus disiasat.

Mahathir berkata, perkara itu melibatkan nyawa manusia dan "amatlah zalim" jika Sirul dibiar menjalani hukuman mati hanya kerana menjalankan arahan.

Berikutan itu, beliau meminta Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak menjawab beberapa isu itu kepada rakyat.

Berikut adalah tulisan Dr Mahathir dalam blog cheq-det.cc yang disiarkan 2 April lalu.


Ramalan oleh masyarakat sekarang ialah Umno-BN akan kalah Pilihan Raya Umum ke-14 kerana terlalu banyak tuduhan yang dibuat terhadap Najib yang tidak dijawab olehnya.

Ia bermula dengan kes pembunuhan Altantuya, wanita Mongolia yang terlibat dengan skandal pembelian kapal selam.

Dua orang anggota polis dituduh menembak mati wanita berkenaan, dibicarakan, didapati bersalah, kemudian didapati tidak bersalah dan dibebaskan. Kemudian dibicarakan semula dan dikenai hukuman bunuh.

Seorang daripada mereka berada dalam tahanan tetapi Sirul seorang lagi berada di Australia. Dia membuat kenyataan bahawa dia diarah untuk membunuh.

Rakyat tertanya-tanya siapa yang memberi arahan.



Sebagai pengawal peribadi Dato' Seri Najib Razak, dakwaan Sirul perlu disiasat untuk menentukan siapa yang memberi arahan.

Tetapi selain daripada Najib berkata Sirul "merekpek" tidak ada siasatan yang dibuat. Ini adalah nyawa manusia. Amatlah zalim jika Sirul dibunuh kerana menjalankan arahan.

Kemudian kes 1MDB. Tuduhan penyelewengan dalam urusan wang berbilion. Ringgit oleh Jho Low telah dibuat dengan bukti-bukti yang jelas. Tuduhan ini tidak dijawab selain dari berkata ia adalah pembohongan.

Kononnya aset 1MDB berjumlah 52 bilion sedangkan hutang hanya 42 bilion. Aset tidak jadi keuntungan sebelum dijual (dicairkan). Kenapa untuk membayar faedah sebanyak 2 bilion pun terpaksa hutang dari Ananda Krishnan. Kalau 1MDB tidak rugi kenapa terpaksa hutang. Kenapa wang Kerajaan sebanyak 1 bilion diberi kepada 1MDB setelah hutang dibayar?

Kononnya wang yang disimpan di Cayman Is-

land sudah dibawa balik. Tetapi separuh disimpan dalam bank Swiss (BSI) di Singapura. Di mana pergi separuh lagi dari 6 bilion? Kenapa wang ini tidak digunakan untuk bayar faedah 2 bilion.

Kononnya disimpan di Singapura kerana Bank Negara akan menyoal simpanan lebih dari 50 juta. Jikalau duit itu duit kita yang hanya disimpan di Cayman, apa masalahnya menjelaskan kepada Bank Negara punca wang itu. Lagipun duit ini dimiliki oleh 1MDB yang dikuasai penuh oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan.

Soalan-soalan lain berkenaan 1MDB tidak dijawab selain daripada berkata asetnya besar. Soal harga tanah Kerajaan yang dibeli oleh 1MDB tidak dijelaskan.

Sudah tentu jika dibeli dengan harga yang murah dan dinaik nilai berkali ganda, aset ini menjadi besar. Tetapi Kerajaan rugi banyak dengan tanah miliknya dijual dengan harga yang tidak mencerminkan harga pasaran.

USD700 juta dibayar ke-

pada PetroSaudi untuk apa? Sudahkah ditentukan PetroSaudi memiliki konsesi kawasan minyak dan gas di Argentina dan Turkmenistan sebelum membayar wang yang begitu banyak.

Jho Low dilaporkan dalam *New York Times*, *London Times* dan *Sarawak Report* terlibat dalam pengurusan berbilion Ringgit duit 1MDB. Siapa dia? Jho Low yang begitu dipercayai oleh Dato' Sri Najib. Pegawai Malaysia yang dilantik mengurus dana 1MDB mengaku mereka diarah oleh Jho Low yang mendakwa ia mendapat kepercayaan penuh dan arahan dari Dato' Seri Najib.

Gambar-gambar Jho Low dan kelakuannya, umurnya yang amat muda serta cara hidupnya tidak menggambarakan peribadi yang menyakinkan orang ramai. Tetapi dia dilaporkan membeli rumah di New York dan Hollywood beratus juta Ringgit.

Kemudian rumah-rumah ini dijual kepada anak tiri Najib dengan harga ratusan juta Ringgit bagi setiap satu kerana kononnya Jho Low telah jumpa rumah yang lebih indah di Hollywood yang harganya lebih tinggi.

Dari mana datangnya duit beratus juta kepada Riza Aziz tidak dapat dijelaskan. Keluarga Tun Razak termasuk Najib menafikan duit ini adalah dari keluarga. Pelaburan ratusan juta dalam filem *Wolf of Wall Street* oleh Riza datang dari mana?

Dan banyaklah lagi tuduhan dan soalan terhadap 1MDB yang ditubuh-

oleh Dato' Sri Najib dan dikuasai sepenuhnya olehnya sebagai penasihat yang tidak dijelaskan dan dijawab selain dari menafi dan mendakwa semuanya bohong belaka. Laporan-laporan dalam akhbar di New York dan London amat memalukan negara.

Sementara itu, walaupun Kerajaan menghadapi kekurangan wang yang besar dan terpaksa hutang, Dato' Sri Najib sebagai Perdana Menteri, membeli pesawat lagi kepada Najib. Ahli Umno dan pemimpinnya perlu sedar bahawa Umno dan dengan itu BN akan kalah jika Dato' Sri Najib memimpin Umno hingga PRU14.

Apabila Umno kalah, orang Melayu akan kutuk kepimpinan yang menjadikan parti keramat ini begitu lemah sehingga ditolak oleh bangsa Melayu sendiri. Sekali Umno kalah, ia tidak akan dapat dipulih semula.

Ramai juga ahli dan pemimpin Umno yang setia secara buta tuli kepada pemimpin. Saya juga setia tetapi kesetiaan saya ialah kepada parti dan orang Melayu yang diwakili olehnya. Bukanlah mudah bagi saya menulis blog ini. Tetapi demi bangsa dan Negara saya terpaksa dedah semua ini.

Saya belum nyanyok walaupun umur hampir 90 tahun. Sesiapa yang berkata saya nyanyok sebenarnya menipu diri.

Melayu hanya akan selamat jika bersikap bangsa lebih utama daripada diri sendiri.

Selain daripada ini